

03 JAN 1997

JUMLAH KEMATIAN AKIBAT RIBUT GREG MENINGKAT 189

KOTA KINABALU, 3 Jan (Bernama) -- Jumlah kematian akibat banjir dan ribut tropika Greg yang melanda Sabah Khamis lepas meningkat kepada 189 orang berikutan penemuan lima mayat lagi hari ini.

Jurucakap Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis di sini, ketika dihubungi, berkata jumlah itu adalah angka rasmi yang dilaporkan sehingga pukul 6 petang.

Katanya, tiga daripada mayat itu ialah kanak-kanak perempuan, seorang kanak-kanak lelaki dan seorang wanita.

Gerakan mencari membabitkan pasukan polis, tentera, unit SMART, pertahanan awam dan pengakap sempadan di Keningau akan diteruskan esok.

Sebanyak 11 daerah dan beberapa daerah kecil terlibat dalam bencana yang paling teruk di negara ini dan daerah Keningau ialah yang paling serius dengan jumlah kematian tertinggi berbanding daerah lain.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan melawat Keningau esok untuk meninjau keadaan di daerah itu. --
BERNAMA

NT FAZ